

PNM(T) 076 Jld. 2 (2)

03 Disember 2012

Semua Ketua Jabatan Negeri

Melaka



KERAJAAN NEGERI MELAKA

PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI

BILANGAN 4 TAHUN 2012

**PERATURAN PEMBAYARAN IMBUHAN TAHUNAN DAN BAYARAN KHAS PRESTASI
KALI KEDUA KEPADA PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM NEGERI MELAKA BAGI
TAHUN 2012**

1. TUJUAN

1.1 Surat Pekeliling ini adalah bertujuan untuk menetapkan peraturan pembayaran berikut :-

- i. Imbuan Tahunan dibayar kepada pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana
- ii. Bayaran Khas Prestasi dibayar kepada pegawai dalam kumpulan Pengurusan Tertinggi

1.2 Pekeliling ini selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12 Tahun 2012.

2. ASAS PERKIRAAN IMBUHAN TAHUNAN DAN BAYARAN KHAS PRESTASI

Asas pengiraan Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi perlu merujuk kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12 Tahun 2012.

3. PERATURAN PELAKSANAAN PEMBAYARAN IMBUHAN TAHUNAN DAN BAYARAN KHAS PRESTASI

3.1 Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi ini akan dibayar bersekali dengan gaji bulan Disember 2012 dan gaji bulan Januari 2013. Dalam membuat pembayaran ini, peraturan-peraturan berikut perlu dipatuhi :-

3.1.1 Cukai Pendapatan

Cukai Pendapatan tidak dipotong dari amaun Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi yang hendak dibayar, tetapi Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi tersebut akan diambil kira dalam Penyata Pendapatan Tahunan untuk tujuan penaksiran cukai pendapatan. Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri digalakkan untuk menjelaskan sendiri cukai pendapatan berkenaan berdasarkan kepada Jadual (Kaedah 3) Potongan Cukai Bulanan Lembaga Hasil Dalam Negeri.

3.1.2 Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)

Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi ini adalah dikenakan caruman selaras dengan Seksyen 2, Akta KWSP 1991 dan kiraan caruman berasaskan JADUAL KETIGA (Subseksyen 43(1)) Kadar Caruman Bulanan.

3.1.3 Bayaran Bagi Pegawai di Bawah Sistem Gaji Berkomputer

Bagi pegawai Perkhidmatan Awam Negeri yang mana gajinya di bayar melalui sistem, perkara berikut hendaklah diambil maklum oleh Jabatan/PTJ :-

- i. Proses semak/lulus penyelenggaraan bonus di butang 2 – Bonus/Bantuan Khas di Modul Gaji akan dibuat di peringkat Perbendaharaan Negeri sahaja tidak melibatkan proses

semak/lulus di peringkat Jabatan/PTJ berdasarkan maklumat senarai kakitangan yang layak dibayar Imbuan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi yang dihantar oleh Jabatan/PTJ .

- ii. Adalah menjadi tanggungjawab Jabatan/PTJ mengutip semula atau memotong daripada gaji bulan berikut amaun yang tidak layak diterima oleh seseorang pegawai Perkhidmatan Awam Negeri ; dan
- iii. Perbendaharaan Negeri akan menghantar satu salinan Laporan G004 – Senarai Edit Pembayaran Bonus setelah selesai proses pembayaran bonus untuk semakan semula pihak Jabatan/PTJ. Bagi pegawai Perkhidmatan Awam Negeri yang tidak tersenarai dalam laporan tersebut tetapi gajinya adalah diproses dalam Sistem Gaji Berkomputer, bayaran Imbuan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi hendaklah dibayar melalui baucar berasingan sebelum bayaran gaji bulan Disember 2012 dan gaji bulan Januari 2013.

3.1.4 Pembayaran Melalui Baucar Berasingan

Bagi Imbuan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi yang dibayar melalui baucar berasingan hendaklah disertakan Penyata Perubahan (Kew.8) dan dokumen sokongan yang lain.

3.1.6 Kod Urus niaga

- i. Kod-kod urus niaga yang perlu digunakan bagi bayaran Imbuan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi melalui baucar berasingan adalah seperti berikut :-

<u>KOD SODO</u>	<u>PERIHAL KOD SODO</u>
15103	Imbuan Tahunan Kakitangan Awam
29304	Imbuan Tahunan Pekerja Sementara dan Sambilan Yang Tidak Menyandang Jawatan Tetap

13101	Caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja Kakitangan Awam
29303	Caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja Sementara dan Sambilan Yang Tidak Menyandang Jawatan Tetap

- ii. Bagi pembayaran Imbuhan Tahunan melalui sistem, Jabatan/PTJ hendaklah membuat pelarasan bagi kod urusniaga yang melibatkan Pekerja Sementara dan Sambilan Yang Tidak Menyandang Jawatan Tetap.

4. PENUTUP

Semua Jabatan/PTJ hendaklah mematuhi peraturan-peraturan di perenggan 3 agar pembayaran Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi dan dilaksanakan dengan sempurna pada tarikh yang ditetapkan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“MELAKA MAJU NEGERIKU SAYANG, NEGERI BANDAR TEKNOLOGI HIJAU”
“MELAKA 750 TAHUN”

Saya yang menurut perintah,



(MOHD ASRI BIN YUSOF)

Bp : Bendahari Negeri,

MELAKA.

- s.k.
1. Y.B Datuk Wira Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka
 2. Y.B Datuk Pegawai Kewangan Negeri Melaka